

06 JUN 1998

Ghafar-Ekonomi

PM AKAN TEMUI VETERAN UMNO DALAM USAHA PULIH EKONOMI

ALOR SETAR, 6 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menemui para veteran UMNO minggu depan untuk memberi garis panduan kepada mereka dalam memperjelaskan kepada rakyat mengenai keadaan sebenar ekonomi negara sekarang ini.

Bekas Timbalan Perdana Menteri Tun Abdul Ghafar Baba berkata, pertemuan itu akan diadakan di ibu negara pada 13 Jun ini dan akan dihadiri oleh lebih kurang 200 veteran UMNO dari seluruh negara.

"Mereka ini terdiri daripada bekas Menteri, Menteri Besar, Anggota Parlimen dan sebagainya," katanya selepas merasmikan Seminar Pembangunan Ekonomi Negeri Kedah di sini, hari ini.

Seminar sehari anjuran Badan Perhubungan UMNO Negeri turut dihadiri oleh Menteri Besar Tan Sri Sanusi Junid dan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Abdul Hamid Othman.

Ghafar berkata kesemua veteran UMNO ini akan diagihkan tugas untuk bergerak ke seluruh pelusuk negara bagi memperjelaskan keadaan sebenar ekonomi negara kepada masyarakat kampung.

Beliau berkata masyarakat kampung yang terdiri daripada petani, nelayan, penarik beca dan sebagainya perlu diperjelaskan secara lebih mudah agar mereka tidak dipengaruhi oleh anasir-anasir yang boleh menggugat kestabilan negara.

"Penerangan ini perlu memandangkan tidak semua mereka memahami situasi sebenar yang menyebabkan kegawatan ekonomi," kata Ghafar yang bakal mengetuai kesemua veteran UMNO itu.

Inilah sumbangan beliau kepada negara setelah menyedari pemimpin tertinggi tidak mempunyai masa untuk menerangkan kepada masyarakat kampung berkaitan ekonomi negara.

Perdana Menteri dalam mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO bulan lalu telah memutuskan untuk memberi keizinan kepada Ghafar bagi menjalankan usaha memberi penerangan kepada masyarakat di seluruh negara.

Ghafar berkata ekonomi negara akan pulih seperti sediakala jika seandainya seluruh masyarakat bersatu padu dan yakin dengan usaha yang dilakukan oleh kerajaan.

Peranan masyarakat ialah membantu kerajaan ke arah meningkatkan pengaliran wang asing ke negara ini dengan memperkembangkan sektor pelancongan, pelaburan dan pinjaman bank.

-- BERNAMA

MN PR